## REKOD PINDAAN DOKUMEN

| TARIKH | NO. KELUARAN / PINDAAN | BAB / MUKA SURAT | KETERANGAN PINDAAN |
|---|---|---|---|
| 27/07/2017 | 1 | 1/21<br><br><br><br>1 – 2/21 | • Nombor rujukan standard diubah ke **UMS-ISMS-P2-PK-009-004** dari UMS-ISMS-P2-PK-009-002.<br>• Tajuk utama dokumen ke **PROSEDUR PEMBANGUNAN LAMAN SESAWANG** dari PROSEDUR OPERASI STANDARD PEMBANGUNAN LAMAN SESAWANG<br>• Kandungan – susun atur |
| | | Asal 3/21<br>Asal 3/21 | Pembetulan ayat – **'mengambil kira keperluan pelanggan'** dari mengambil kira pelanggan<br>Pertukaran garis panduan daripada Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006 'Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam kepada **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015** |
| | | 4/21 | Pembetulan ayat – **'atau menyediakan sendiri pelan/*layout*'** dari atau membuat sendiri pelan/*layout* |
| | | | Pembetulan ayat – '**Mewujudkan pasukan khusus bagi memudahkan penyenggaraan laman web'** dari 'Menyediakan Prosedur Operasi (standard operating procedure, SOP) penyenggaraan laman web'. |

| TARIKH | NO. KELUARAN / PINDAAN | BAB / MUKA SURAT | KETERANGAN PINDAAN |
|---|---|---|---|
| | | 16/21 | Pembetulan ayat – **‘Bagi mempromosikan laman web JFPIU, JFPIU digalakkan memaparkan alamat laman web mereka di media bukan digital seperti, di kepala surat rasmi JFPIU, kad konteks,papan tanda nama JFPIU dan sebagainya termasuk laman sosial seperti *Facebook*, *twitter, instgram, flicker* dan *youtube’*** dari ‘Bagi mempromosikan laman web JFPIU, JFPIU digalakkan memaparkan alamat laman web mereka di media bukan digital seperti, di kepala surat rasmi JFPIU, kad konteks,papan tanda nama JFPIU dan sebagainya. |
| | | 18/21 | Pembetulan ayat – **‘Laman web rasmi dan JFPIU telah dilengkapi dengan fungsi ‘search engine friendly’ yang memudahkan carian melalui enjin carian’** dari ‘Sesebuah laman web yang baik akan tersenarai dalam kedudukan utama enjin carian sekiranya beberapa perkara asas dapat dipatuhi’. |

**KANDUNGAN :**


1. TUJUAN 3
2. SKOP 3
3. RUJUKAN 3
4. KONSEP 3
5. PERANCANGAN DAN STRUKTUR PERLAKSANAAN LAMAN WEB 3
    5.1 PENYEDIAAN PELAN/*LAYOUT* LAMAN WEB 4
6. PEMBANGUNAN/PENGEMASKINIAN LAMAN WEB J/F/P/I/U 4
7. INFOSTRUKTUR DAN KANDUNGAN LAMAN WEB 4
    7.1 INFOSTRUKTUR LAMAN WEB JFPIU 4
8. KANDUNGAN LAMAN WEB 6
    8.1 MUKA UTAMA 6
    8.2 VERSI BAHASA 6
    8.3 MENU 6
    8.4 ENJIN CARIAN 8
    8.5 DOKUMEN WEB 8
    8.6 PAUTAN 9
    8.7 PENAFIAN 9
9. RUPABENTUK DAN SUSUN ATUR LAMAN WEB 9
    9.1 *WINDOW TITLE* 9
    9.2 LOGO UMS 9
    9.3 VERSI BAHASA* 10
    9.4 MENU 10

9.5 ENJIN CARIAN 10
9.6 TEKS, WARNA, IMEJ, AUDIO DAN VIDEO 10
9.7 SAIZ LAMAN WEB 11
9.8 CONTOH RUPABENTUK DAN SUSUN ATUR LAMAN 11-12
10. OPERASI & PENYENGGARAAN LAMAN WEB 11-13
10.1 NAMA DOMAIN 14
10.2 PELAYAN WEB 14
10.3 LAMAN WEB 14
11. PEMANTAUAN LAMAN WEB 14-15
12. PENYENARAIAN LAMAN WEB DALAM ENJIN CARIAN LUAR 15
13. MENGHANTAR MAKLUMAT KE ENJIN CARIAN 15
14. TAG META 15
15. FRAME 16
16. PENGHANTARAN MAKLUMAT AKTIVITI JFPIU KE LAMAN WEB UTAMA UMS 16

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah untuk

I. Menjadi rujukan kepada pembangunan dan penyelenggara laman web JFPIU.
II. Menyelaraskan bentuk dan kandungan laman web JFPIU bagi meningkatkan imej universiti.

2. SKOP

Melibatkan semua laman web rasmi JFPIU di UMS. JFPIU adalah/meliputi Jabatan, Fakulti, Pusat, Instititut, Unit, Bahagian, Kolej dan lain-lain seumpamanya.

3. RUJUKAN

Garis panduan ini adalah berdasarkan:

i. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015
ii. Provider Based Evaluation (ProBE) untuk laman web agensi kerajaan.
iii. Keperluan *ranking webometrics*
iv. Garis panduan laman web MAMPU.

4. KONSEP

Konsep laman web JFPIU adalah mesra pengguna dan berorientasikan pelanggan. Penyediaan laman web JFPIU perlu mengambil kira keperluan pelanggan seperti pelajar, kakitangan, penyelidik, golongan korporat/bisnes dan masyarakat umum.

JFPIU juga boleh mengenal pasti pelanggan-pelanggan lain yang berkaitan dengan JFPIU tersebut. Kandungan dan susunatur hendaklah mengambil kira keperluan pelanggan yang dinyatakan di atas.

## 5. PERANCANGAN DAN STRUKTUR PERLAKSANAAN LAMAN WEB

### 5.1 PENYEDIAAN PELAN/*LAYOUT* LAMAN WEB

JFPIU boleh merujuk kepada pelan/*layout* yang dicadangkan oleh JTMK, atau menyediakan sendiri pelan/*layout* laman web. Pelan hendaklah menjelaskan :

i. Pelanggan sasaran
ii. Skop maklumat
iii. Jenis perkhidmatan dalam talian (sekiranya ada)
iv. Penyediaan maklumat
v. Penyediaan perkhidmatan dalam talian (sekiranya ada)
vi. Mewujudkan pasukan khusus bagi memudahkan penyeggaraan laman web.

## 6. PEMBANGUNAN/PENGEMASKINIAN LAMAN WEB J/F/P/I/U

Pembangunan/pengemaskinian laman web J/F/P/I/U adalah melalui permohonan kepada JTMK, dibangunkan secara in-house atau dengan bantuan pihak swasta. Permohonan perlu melalui prosedur yang telah ditetapkan merujuk kepada Dasar ICT UMS dan ISMS. Borang terlibat untuk tujuan permohonan adalah :

i. UMS-BR-ISMS-P6-0202-001(Borang Permohonan Pembangunan Sistem Aplikasi/Laman Sesawang)
ii. UMS-BR-ISMS-P6-0401-001 (Borang Prosedur Uat Sistem Aplikasi/Laman Sesawang)

## 7. INFOSTRUKTUR DAN KANDUNGAN LAMAN WEB

### 7.1 INFOSTRUKTUR LAMAN WEB JFPIU

Berikut merupakan cadangan kandungan (*sitemap*) yang perlu pada setiap laman web JFPIU. Cadangan adalah berdasarkan keperluan MAMPU. JFPIU digalakkan untuk menentukan *sitemap* bersesuaian dengan keperluan jabatan.



Laman Utama/Home
MENU (Bahasa Melayu)
Mengenai Kami (Pengenalan, Pentadbiran, hubungi Kami)
Program (Pra Siswazah, Pascasiswazah)
Penyelidikan (Unit Penyelidikan, Penyelidik)
Penerbitan
Jaringan
Soalan lazim
Alumni
MENU (Bahasa Inggeris)
About Us (Introduction, Administration, Contact Us)
Program (Undergraduate, Postgraduate)
Research ( Research Unit, Researcher)
Publication
Other Links
FAQ
Alumni

## 8. KANDUNGAN LAMAN WEB

### 8.1 MUKA UTAMA

Muka utama laman web JFPIU dimulakan dengan kandungan yang telah dinyatakan dalam Rajah 1.

### 8.2 VERSI BAHASA

Setiap laman web mesti mempunyai dua versi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.Pertambahan versi bahasa lain adalah digalakkan.

### 8.3 MENU

Menu yang ditetapkan seperti dalam Rajah 1 perlu ada dalam setiap laman web JFPIU. Sebarang pertambahan menu lain adalah digalakkan.
Berikut adalah kandungan minima bagi setiap menu yang telah dinyatakan dalam Rajah 1. Pertambahan kandungan lain adalah digalakkan.

*Home* / Utama*
Contoh kandungan muka utama laman web :

- *Banner* Ucapan selamat datang iaitu Selamat Datang ke Laman Rasmi ‘Nama JFPIU’ (versi BM) dan Welcome to ‘JFPIU Name’ Official Website (versi BI).

Format yang boleh digunakan adalah bebas (contoh *marquee text*, *plain text*, grafik, animasi dll.)

- Pengenalan mengenai JFPIU sama ada dalam bentuk teks atau grafik
- Berita atau peristiwa yang hendak diketengahkan.

*News* atau *Events* / Berita atau Peristiwa*

Penghebahan berita dan pengumuman yang dianggap penting khususnya bagi faedah pelanggan JFPIU masing-masing.

1. *About Us* / Mengenai Kami* - Mengandungi penerangan mengenai JFPIU.
2. *Organization* / Organisasi* - Mengandungi carta organisasi JFPIU.
3. *Staff* / Staf* - Mengandungi direktori staf dan link ke CV.
4. *Contact Us* / Hubungi Kami* - Maklumat minimum JFPIU yang perlu ada untuk dihubungi :
   4.2 Alamat
   4.3 Nombor telefon
   4.4 Nombor faks
   4.5 Alamat e-mel (Nombor telefon dan faks disertakan dengan kod negara dan kod kawasan)
5. FAQ / Soalan Lazim - Mengandungi soalan yang lazim dikemukakan.
6. Academic / Akademik * (JFPIU berkaitan) - Mengandungi maklumat mengenai :
   6.2 *Undergraduate* / Mahasiswa
   6.3 *Postgraduate* / Pasca Siswazah

7. Research / Penyelidikan * (JFPIU berkaitan) - Mengandungi maklumat mengenai :
   7.2 Research Field / Bidang Penyelidikan
   7.3 Research Grant / Geran Penyelidikan
   7.4 Publication / Penerbitan
8. *Achievement* / Pencapaian
9. *Facilities* / Kemudahan (JFPIU berkaitan)
10. *Extension* / Perkhidmatan Profesional (JFPIU berkaitan)
11. Links / Pautan, Menyenaraikan pautan ke laman web UMS dan pautan lain yang berkaitan
12. Internal Link / Pautan Dalam Pautan bagi laman web di dalam UMS (contoh : web UMS, Sains, emel)
13. External Link / Pautan Luar Pautan laman web dari agensi luar UMS (contoh : web KPT, web IPTA)
14. Site Map / Peta Laman, Memaparkan struktur laman web JFPIU

15. Webmaster atau AJK Laman Web / Website Committee (sekiranya ada), Memaparkan maklumat mengenai jawatankuasa Laman Web JFPIU dan tanggungjwab masing-masing iaitu nama, tanggungjawab/peranan, no telefon, email, dan fax.

8.4 ENJIN CARIAN

Enjin carian mempunyai pilihan carian maklumat *within database*.

8.5 DOKUMEN WEB

Jika sumber kandungan yang digunakan dalam laman web mempunyai petikan berita atau artikel yang berunsurkan hak cipta, keterangan mengenai hak cipta ini perlu disediakan. Sekurang-kurangnya :

i. perkataan hak cipta
ii. tahun disediakan
iii. nama pemiliknya.

Setiap dokumen web MESTI diberi tajuk yang sesuai bagi membolehkan dokumen tersebut dikesan oleh enjin carian. **Kata kunci** dan penerangan ringkas kandungan dokumen web perlu dimasukkan pada permulaan fail html iaitu penggunaan tag meta untuk memudahkan pengesanan.

8.6 PAUTAN

Sekiranya hendak membuat pautan ke laman web lain sebagai rujukan, pautan yang disediakan mesti terus kepada kandungan rujukan di dalam laman web yang berkenaan dan bukannya menyediakan pautan ke laman web utama sahaja.

8.7 PENAFIAN

Penafian berikut perlu disertakan di dalam laman web JFPIU.

Versi Bahasa Melayu
**Penafian : Universiti Malaysia Sabah dan <nama JFPIU> tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami kerana menggunakan mana-mana maklumat yang diperolehi dari laman web ini.**

Versi Bahasa Inggeris
**Disclaimer : Universiti Malaysia Sabah and <JFPIU name> shall not be liable for any loss or damage caused by the usage of any information obtained from this website.**

## 9. RUPABENTUK DAN SUSUN ATUR LAMAN WEB

### 9.1 *WINDOW TITLE*

Setiap laman web perlu mempunyai *window title* iaitu
UMS : Nama penuh JFPIU

### 9.2 LOGO UMS

Logo UMS hendaklah menggunakan logo asal tanpa sebarang perubahan contohnya diherotkan ataupun ditukar warnanya.

9.3 VERSI BAHASA*

Link versi bahasa mesti diletakkan pada setiap muka laman web.

9.4 MENU

Menu bertanda * wajib diletakkan di sebelah atas, manakala menu lain boleh diletakkan di mana-mana tempat yang bersesuaian mengikut kehendak JFPIU (atas, kiri atau kanan).

9.5 KOTAK CARIAN (*Search Field*)

Kotak carian perlu berada di muka hadapan laman web bagi memudahkan proses carian maklumat oleh pengguna.

9.6 TEKS, WARNA, IMEJ, AUDIO DAN VIDEO

1. Penggunaan tulisan dalam laman web hendaklah tidak terlalu kecil. Saiz minimum tulisan :
   1.2 2 jika menggunakan arahan html (<font>) atau
   1.3 12px/pt jika menggunakan CSS.
2. Saiz keseluruhan laman web (termasuk teks, image, video, flash, dan lain-lain) adalah tidak melebih 50kb.

3. Penggunaan sumber multimedia seperti klip video, audio dan sebagainya hendaklah dengan kaedah *embed* ke *Youtube* (JFPIU perlu mewujudkan akaun Youtube terlebih dahulu), kebolehcapaian dan mesra pengguna. Pertimbangan hendaklah diberi samada penggunaannya benar-benar perlu.
4. Semua kandungan fail media hendaklah dipastikan tidak melanggar hakcipta pemilik asal.
5. Warna dan tipografi (*typography*) hendaklah digunakan dengan bijak dan mengambil kira prinsip perbezaan warna, tipografi dan sebagainya. Penggunaan warna korporat UMS adalah digalakkan di tempat-tempat yang sesuai.
6. Penggunakan CSS adalah digalakkan bagi memudahkan pengubahsuaian format, teks dan warna laman web.
7. Grafik laman web yang digunakan mestilah relevan dan digalakkan untuk diperbaharui dari semasa ke semasa.

9.7 SAIZ LAMAN WEB

Lebar laman web hendaklah disesuaikan dengan resolusi skrin 1280x1024 px.

9.8 CONTOH RUPABENTUK DAN SUSUN ATUR LAMAN




Rajah 2 : Susun atur paparan laman utama




Rajah 3 : Susun atur paparan laman selain dari laman utama

## 10. OPERASI & PENYENGGARAAN LAMAN WEB

### 10.1 NAMA DOMAIN

Nama domain untuk laman web hendaklah menggunakan domain sambungan 'ums.edu.my' untuk menandakan bahawa laman web tersebut kepunyaan UMS. Domain ini juga berperanan sebagai kata kunci untuk carian dalam internet yang secara khusus memberi impak besar kepada pencapaian universiti di dalam ranking webometrik.

### 10.2 PELAYAN WEB

JFPIU mesti menerbitkan laman web menggunakan pelayan web UMS untuk memudahkan pelaksanaan dan pengoperasian laman web masing-masing.

### 10.3 LAMAN WEB

Bagi mempromosikan laman web JFPIU, JFPIU digalakkan memaparkan alamat laman web mereka di media bukan digital seperti, di kepala surat rasmi JFPIU, kad konteks,papan tanda nama JFPIU dan sebagainya termasuk laman sosial seperti *Facebook*, *twitter, instgram, flicker* dan *youtube*.

JFPIU perlu memastikan laman web beroperasi secara berterusan bagi membolehkan proses interaksi antara pelanggan dengan JFPIU dan sebaliknya.

Prestasi laman web hendaklah dianalisis dan tindakan susulan perlu diambil dari masa ke semasa. Analisis ini berdasarkan petunjuk-petunjuk umum misalnya bilangan pelanggan yang melawat laman web, bilangan e-mel yang diterima melalui laman web, bilangan tindakan susulan yang diambil hasil daripada proses interaksi dengan pengunjung, dan sebagainya.

## 11. PEMANTAUAN LAMAN WEB

Pemantauan laman web di peringkat JFPIU diturunkan kepada webmanager dilantik di setiap fakulti. Pemantauan boleh dilaksanakan menerusi data diperolehi dari h*its counter* atau statistik web.

JFPIU perlu memantau setiap pautan dan *button* dalam laman web masing-masing agar berfungsi dengan baik.

Kandungan laman web perlu sentiasa dikemaskini dan memaparkan tarikh akhir kemaskini.

Setiap JFPIU digalakkan menyediakan jadual terperinci bagi tujuan mengemaskini kandungan laman web seperti tarikh terima kandungan, penyedia kandungan (*content provider*) dan tarikh *upload* ke web sebagai rujukan.

JFPIU perlu mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat maklum balas dari pengguna.

12. PENYENARAIAN LAMAN WEB DALAM ENJIN CARIAN LUAR

Laman web rasmi dan JFPIU telah dilengkapi dengan fungsi 'search engine friendly' yang memudahkan carian melalui enjin carian.

13. MENGHANTAR MAKLUMAT KE ENJIN CARIAN

Laman web yang telah siap dibina hendaklah didaftarkan kepada enjin pencari. termasuklah http://www.google.com untuk Google My Business.

14. TAG META

Penggunaan tag META dalam laman web adalah untuk memberikan maklumat tentang dokumen tersebut misalnya ringkasan kandungan, kata kunci dan lain-lain yang berkenaan. Ianya akan dirujuk oleh enjin carian bagi tujuan keperluan pangkalan data mereka.

Bagi memastikan laman web JFPIU disenaraikan pada enjin carian, penggunaan TAG META pada laman web adalah diwajibkan.

15. FRAME

Penggunaan *FRAME / IFRAME* dalam laman web JFPIU hendaklah dielakkan bagi memastikan enjin carian dapat menyenaraikan maklumat laman web JFPIU dengan sempurna.

16. PENGHANTARAN MAKLUMAT AKTIVITI JFPIU KE LAMAN WEB UTAMA UMS

Laman web utama UMS sentiasa mengalu-alukan maklumat mengenai aktiviti JFPIU untuk disenaraikan pada laman web utama UMS. Maklumat yang dihantar oleh JFPIU akan disemak oleh Bahagian Perhubungan Korporat dan sekiranya sesuai ianya akan dipaparkan pada ruangan acara pada laman web utama UMS.

JFPIU perlu menghantar maklumat mengenai aktiviti yang hendak dimasukkan kepada Bahagian Perhubungan Korporat untuk proses verifikasi.